

Sedia Lepaskan Sesuatu Bagi Memastikan Kestabilan Jangka Panjang - Mahathir Bernama
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia tanpa mengira kaum hendaklah sanggup melepaskan sesuatu demi mencapai pembangunan ekonomi dan kestabilan sosial jangka panjang.

"Mana-mana kaum janganlah berfikir untuk mengambil semuanya untuk mereka. Anda mesti mengakui bahawa orang lain juga perlu mendapat sebahagian.

"Semua kaum hendaklah menumpukan ke arah membangunkan ekonomi bersama, supaya pembahagian setiap orang adalah lebih besar di samping mengurangkan jurang perbezaan," katanya semasa berucap mengenai 'Politik dan Perniagaan: Kaitan Malaysia' di sini Khamis.

Dr Mahathir berkata semasa pilihan raya 1955, orang Melayu telah mengambil keputusan melepaskan kerusi di kawasan di mana pengundi kebanyakannya orang Melayu.

"Bagi memastikan semua kaum bekerjasama, kawasan pilihan raya orang Melayu diberi kepada rakan kongsi mereka daripada kaum Cina dan India serta memastikan mereka menyokong calon-calon daripada Perikatan," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676685>